

**SUMBANGAN SHAYKH MUHAMMAD MUTAWALLĪ AL-SHA'RĀWĪ
TERHADAP DUNIA ISLAM****SHAYKH MUHAMMAD MUTAWALLĪ AL-SHA'RĀWĪ CONTRIBUTIONS TO
THE ISLAMIC WORLD**

Mohamad Redha Mohamad¹, Muhammad Firdaus Abdul Manaf², Muhammad Zaid Shamshul Kamar^{3*}

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohamadredha@kuis.edu.my.

² Dr., Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA, Negeri Sembilan. dr.firdausmanaf@gmail.com.

³ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, muhammadzaid@kuis.edu.my.

* Mohamad Redha Mohamad

Artikel diterima: 26 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 19 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 2 Julai 2020

Abstrak

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci umat Islam yang sentiasa dibaca, diamalkan dan dijadikan rujukan. Antara ilmu al-Quran yang dipelajari adalah ilmu *qirā'āt*, ilmu tafsir, ilmu tajwid, *asbāb al-nuzūl* dan sebagainya. Pada setiap zaman, bidang al-Quran pasti akan melahirkan tokoh-tokoh yang terkemuka. Justeru itu, artikel ini membincangkan seorang tokoh al-Quran yang masyhur iaitu Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī. Beliau merupakan seorang tokoh Islam prolific yang banyak membahaskan mengenai isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dan memegang jawatan-jawatan penting sepanjang kehidupan beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat. Antara karya beliau yang agung dan menjadi rujukan adalah kitab Tafsir al-Sha'rāwī. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada sumbangan-sumbangan yang dicurahkan sepanjang kehidupan beliau terhadap dunia Islam. Permasalahan kajian ini adalah kerana masyarakat masih tidak mengenali dan mengetahui sumbangan beliau. Metode kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam dalam bentuk kebajikan, keilmuan, penulisan dan perkhidmatan jawatan. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam aspek kajian terhadap Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī dan tokoh-tokoh yang lain dalam lapangan ini.

Kata kunci

Tokoh, al-Sha'rāwī, Tafsir, al-Quran, Sumbangan.

Abstract

Quran is the holy book of Muslims that is always be read, practiced and referred. The fields of knowledge of Quran include qirā'āt, tafsir, tajwid, asbāb al-nuzūl and many others. At each age, these fields of Quranic knowledge eventually produce great figures. Thus, this article discusses a well-known figure in the field of Quranic knowledge, Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī. He is a prolific Muslim figure who debates extensively on current issues and challenges faced by Muslims. He also produced many works and held important positions throughout his life to serve the community. One of his great works which became a main reference is Tafsir al-Sha'rāwī. This

paper focuses on the contributions towards the Islamic world by Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī throughout his life. The lack of acknowledgement and recognition of his contribution is the problem statement of this study. This study used qualitative method, utilizing literature review and observation for data collection. Findings of this study indicate that Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī made significant contributions to Muslims in the form of good deeds, knowledge, writings and services while in office. Findings from this study contribute to the pool of research on Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī and other figures in this field.

Keywords

Figure, al-Sha'rāwī, Tafsir, Quran, Contribution.

1.0 Pendahuluan

Konsep ulama boleh diertikan dengan pelbagai definisi yang berlandaskan latar belakang keserjanaan atau disiplin ilmu masing-masing. Perkataan ulama adalah kata jamak dari perkataan Arab iaitu *ʿĀlim* yang bermaksud “yang tahu” atau “yang mempunyai pengetahuan” (Ba'albaki, Rohi, 1995). Perkataan ulama juga diertikan sebagai orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam (Kamus Dewan, 2016). Menurut Shukri Ahmad (2000), ulama adalah orang-orang yang memiliki pengetahuan serta berpendidikan tinggi dalam ilmu agama *ʿilm manqūl*, atau ilmu kealaman yang bersumberkan al-Quran dan boleh menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil, berasaskan pengetahuan dan *thābit*. Shukri Ahmad (2000) menyatakan, dalam al-Quran hanya terdapat dua kali sahaja perkataan ulama itu digunakan iaitu di dalam surah Fāṭir ayat 28 dan surah al-Shu'arā' ayat 197. Kedua-duanya merujuk kepada yang mendalami pengetahuan agama. Imam al-Ṭabarī menafsirkan maksud ulama dalam surah Fāṭir dengan menyebutkan mereka sebagai golongan yang mengenali Allah dengan sebenar-benarnya menerusi ilmu yang sempurna yang membolehkan mereka membesarkan dan mengagungkan Allah SWT. Menurut Zulkifli Mohamad (2017), ulama adalah individu yang sangat penting dan merupakan pewaris para nabi sebagaimana yang disebut dalam hadīth. Daripada Abu Darda' RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ .

Maksudnya:

“Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dīnār atau pun dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barang siapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak”.

Al-Tirmidhī, no 2898

Oleh itu, ulama boleh diertikan sebagai seorang yang pakar dan mempunyai ilmu yang tinggi dalam pengetahuan agama Islam. Setiap bidang keilmuan pasti akan melahirkan tokoh-tokoh atau ulama-ulama yang hebat pada setiap zaman. Begitu juga bidang al-Quran, turut melahirkan ulama-ulama yang terkemuka dalam lapangan ilmunya. Sebagai contoh, tokoh al-Quran dalam bidang *qirā'āt* adalah Imam al-Shāṭibī dan Imam al-Jazarī (Shaharuddin Saad, 2015). Dalam bidang tafsir pula, antara tokoh utama adalah Imam Ibnu Kathīr dan Imam al-Ṭabarī (Manna' al-Qaṭṭān, 2019). Justeru itu,

artikel ini membincangkan seorang tokoh al-Quran kontemporari yang masyhur iaitu Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī. Beliau merupakan seorang cendekiawan Islam prolific yang banyak membahaskan mengenai isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dan memegang jawatan-jawatan penting sepanjang kehidupan beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat dan dunia Islam.

Menafsir al-Quran bukanlah perkara mudah seperti yang disangka lebih-lebih lagi di zaman sekarang. Pelbagai bidang ilmu perlu dikuasai sebelum betul-betul mampu untuk menafsirkan al-Quran mengikut landasan yang benar. Begitu juga akhlak-akhlak dan etika perlu dijaga dengan baik sebelum menafsirkan kitab suci al-Quran kerana ia tidak boleh ditafsir oleh sebarang individu. Oleh sebab syarat-syarat yang ketat ini, wujud keengganan dalam kalangan ulama zaman sekarang untuk menafsirkan al-Quran (Imam Masrur, 2018). Kemunculan Shaykh al-Sha'rāwī di zaman ini yang mampu menafsirkan al-Quran dan diterima ramai membuktikan kehebatan beliau dalam lapangan ilmu ini.

Antara kajian lepas yang menjadi rujukan penulis ialah *Penafsiran Al-Sya'rawi Terhadap Al-Quran Tentang Wanita Karir*, tesis sarjana UIN Syarif Hidayatullah yang ditulis oleh Riesti Yuni Mentari pada tahun 2011, *Elemen Saintifik Dalam Al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi*, tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaya yang ditulis oleh Selamat Amir pada tahun 2016 dan *Penafsiran Muhammad Mutawalli Sya'rawi Tentang Homoseksual (Kajian Tafsir Tematik)*, tesis sarjana UIN Sumatera Utara yang ditulis oleh Anisa Panggabean pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, tesis-tesis ini memfokuskan kajian mereka mengenai penafsiran al-Sha'rāwī terhadap ayat-ayat atau tema-tema tertentu dari al-Quran. Oleh itu, penulis telah membincangkan secara khusus mengenai sumbangan-sumbangan al-Sha'rāwī terhadap dunia Islam.

2.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data akan dikumpul melalui metode dokumentasi dan kepustakaan. Kajian ini akan menggunakan metode dokumentasi dalam mendapatkan data untuk dianalisis. Dokumen-dokumen penting seperti akhbar, laman sesawang dan dokumen yang berkaitan akan digunakan untuk menyokong hasil kajian. Kajian ini juga menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan sebelum dianalisis. Pengkaji akan mengumpul maklumat kajian dari tesis-tesis, jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa perpustakaan berhampiran untuk dianalisis. Pengkaji akan mengumpul data-data dari Perpustakaan As-Syafie Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia.

3.0 Latar Belakang Tokoh

Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī dilahirkan pada hari ahad, 17 Rabiulakhir 1329H bersamaan 15 April 1911M di desa Daqādūs, salah satu kota kecil yang terletak tidak jauh dari kota Mayyit Ghamr, Mesir (Hikmatiar Pasya, 2017). Negara Mesir sememangnya sebuah tempat yang banyak melahirkan ulama dan tokoh kenamaan seperti Shaykh Ṭanṭāwī, Shaykh Muhammad 'Abduh, Shaykh Rāshid Riḍā dan lain-lain

lagi. Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Mutawallī al-Sha'rāwī Husaynī yang nasab keturunan bapanya sampai kepada Husain bin Ali RA. Beliau dibesarkan dalam kalangan keluarga petani namun kedua orang tuanya terkenal sebagai orang yang soleh dan mulia. Shaykh al-Sha'rāwī menggambarkan kampungnya yang begitu indah dengan pemandangan, subur dengan tanaman hijau-hijauan di perlembahan Sungai Nil. Sejak kecil beliau selalu dipanggil oleh kedua orang tuanya dengan gelaran "Shaykh al-Amīn" (yang amanah). Beliau juga digelar sebagai 'Lampu Kebenaran'. Beliau merupakan seorang yang pakar dalam bahasa Arab dan *mufasssir* kontemporari yang masyhur (Achmad, 2013).

Beliau telah berkahwin ketika masih bersekolah kerana keinginan orang tuanya yang telah memilih pasangan untuknya, dan Shaykh al-Sha'rāwī bersetuju dengan pilihan orang tuanya kerana beliau percaya itu adalah pilihan yang baik dan tidak akan mengecewakan kehidupannya. Kemudian, beliau telah mempunyai tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Anak lelakinya bernama Samī, 'Abdul Rahman dan Ahmad dan anak perempuannya pula bernama Faṭīma dan Šāliha (Selamat Amir, 2016). Shaykh al-Sha'rāwī wafat pada 17 Jun 1998M ketika berumur 87 tahun dan dikebumikan di Mesir (Maher Hasan, 2014).



Gambar 1: Shaykh Muhammad Mutawallī al-Sha'rāwī

4.0 Perjalanan Pendidikan

Shaykh al-Sha'rāwī tamat menghafaz al-Quran ketika berusia 11 tahun di bawah bimbingan gurunya 'Abdul Majīd Pāshā (Riesti Yuni Mentari, 2011). Ayahnya telah menghantar beliau kepada 'Abdul Majīd Pāshā untuk menghafaz al-Quran dan hadīth (Maher Hasan, 2014). Pada tahun 1916M, beliau telah memasuki Sekolah Rendah Zaḡāzīq dan berjaya memperolehi Sijil Sekolah Rendah pada tahun 1923M dan kemudiannya memasuki sekolah peringkat menengah. Beliau terkenal sebagai seorang yang sukakan syair dan kesusasteraan Arab sehingga rakan-rakannya melantik beliau menjadi Ketua Persatuan Pelajar dan Ketua Persatuan Kesusasteraan di daerah Zaḡāzīq (Riesti Yuni Mentari, 2011). Syair-syair al-Sha'rāwī bersifat ketuhanan dan kemanusiaan. Menurut beliau, syair Ṣawī banyak memberi pengaruh dalam ilmu syair beliau (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Al-Sha'rāwī berkata: "*Apabila selesai solat subuh, bapa saya akan menunggu surat khabar. Jika didapati ada syair Ṣawī, dia menyuruh saya membaca dan menghafaznya. Dia akan memberi wang sekiranya saya berjaya menghafaz syair itu pada sebelah petang*" (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Antara kalam mutiara nasihat al-Sha'rāwī yang berbentuk nasihat adalah (Adham Sharḡawī, 2020):

إِنْ كُنْتَ لَا تَعْرِفُ عُنْوَانَ رِزْقِكَ # فَإِنَّ رِزْقَكَ يَعْرِفُ عُنْوَانَكَ

"Jika kamu tidak tahu alamat tempat rezekimu, maka ketahuilah rezekimu tahu alamat tempatmu".

فِي الْعَادَةِ لَا يَفْلُقُ مَنْ كَانَ لَهُ أَبٌ # فَكَيْفَ يَفْلُقُ مَنْ كَانَ لَهُ رَبٌّ

"Pada kebiasaannya tidak akan risau orang yang mempunyai bapa, maka bagaimanakah boleh risau orang yang mempunyai Tuhan".

Terdapat peristiwa yang merubah hidupnya untuk mendalami ilmu dan membaca buku-buku yang muhtabar. Ibu bapanya telah membeli sejumlah buku-buku sebagaimana yang disyaratkan oleh al-Sha'rāwī sekiranya ingin beliau menyambung pendidikan di al-Azhar. Kata ayahnya: *"Aku tahu bahawa semua buku-buku tersebut tidak diwajibkan untuk kamu, tapi aku membelinya untuk memberikan ilmu pengetahuan yang menarik agar kamu haus dengan ilmu"*. Beliau telah memasuki Kolej Agama Zaqa'zīq pada tahun 1930an dan mendapat sijil agama dengan anugerah cemerlang pada tahun 1936 (Selamat Amir, 2016).

Al-Sha'rāwī telah memasuki Kuliah Bahasa Arab pada tahun 1937M dan aktif dalam persatuan pelajar di Universiti al-Azhar. Beliau menjadi graduan pada tahun 1941M dengan keputusan yang cemerlang. Kemudian pada tahun 1943, beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah sekaligus menjadi tenaga pengajar pada ketika itu (Selamat Amir, 2016). Kecintaan beliau terhadap ilmu telah menonjolkan beliau sebagai seorang yang pakar dan alim bukan sahaja dalam pengajian ilmu *turāth* malah turut terkehadapan dalam elemen saintifik semasa.

5.0 Guru-Guru Al-Sha'rāwī

Setiap ulama yang hebat pasti bermula dari hasil didikan guru yang hebat. Kebanyakan guru-guru beliau adalah merupakan ulama dan tenaga pengajar Universiti al-Azhar ketika beliau menuntut ilmu di sana. Antara guru-guru al-Sha'rāwī adalah seperti berikut:

- i. Shaykh Ibrāhīm Ḥamrush
- ii. Shaykh Aḥmad 'Ammāra (falsafah)
- iii. Shaykh Aḥmad Sa'ūd (tasawuf)
- iv. Shaykh Muṣṭafā al-Ṣawī
- v. Shaykh Aḥmad Makkī
- vi. Shaykh 'Abd al-Ghanī 'Alī Ḥasan
- vii. Shaykh 'Amir Surūr
- viii. Shaykh Muḥammad Gharrāba
- ix. Shaykh Nūr al-Ḥusīn
- x. Shaykh Jad Soleh

6.0 Anak Murid Al-Sha'rāwī

Ulama yang hebat pasti akan melahirkan anak-anak murid yang hebat. Beliau telah diberi jolokan sebagai 'dai sejuta umat' kerana sangat masyhur bukan sahaja di Mesir malah di seluruh pelosok dunia (Selamat Amir, 2016). Beliau mempunyai anak murid yang ramai dan di antaranya yang masyhur adalah:

- i. Shaykh Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī: beliau adalah seorang tokoh terkemuka yang sangat masyhur di seluruh pelosok dunia. Nama beliau Yūsuf bin 'Abd Allāh bin 'Ali bin Yūsuf. Dilahirkan pada tahun 1926 di Mesir. Beliau memperolehi gelaran doktor falsafah (PhD) pada tahun 1973 dengan menulis tesis yang berjudul 'Zakat dan Pengaruhnya dalam Mengatasi Masalah Sosial'. Tesis beliau telah dibukukan dan diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dunia (Zulkifli Mohamad, 2018). Selain berguru dengan Shaykh al-Sha'rāwī, beliau juga berguru dengan Shaykh Ḥasan al-Bannā, Shaykh Sayyid Sābiq, Shaykh Mahmūd Fayyāḍ dan ramai lagi. Beliau diiktiraf sebagai tokoh Islam kontemporari yang memiliki ilmu yang mendalam apabila dilantik sebagai Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia (KUIS) pada tahun 2014.
- ii. Muhammad al-Sinrāwī dan 'Abd al-Wāris ad-Dusūqī: Kedua-dua mereka ini adalah murid al-Sha'rāwī yang mengumpulkan ceramah-ceramah al-Sha'rāwī dan seterusnya dibukukan menjadi Tafsir al-Sha'rāwī (Selamat Amir, 2016).

7.0 Sumbangan Al-Sha'rāwī Terhadap Dunia Islam

7.1 Sumbangan Berbentuk Kebajikan

Shaykh al-Sha'rāwī terkenal sebagai seorang dermawan dan suka melakukan kebajikan. Antara sumbangan beliau ialah beliau mendirikan Ma'ḥad al-Azhar, sekolah tahfiz, masjid dan pusat kesihatan untuk orang miskin di kampungnya Daqādūs (Mohd Rumaizuddin, 2007). Selain itu, royalti buku-buku beliau didermakan untuk kebajikan (Riesti Yuni Mentari, 2011). Menurut anaknya, Aḥmad bahawa bapanya telah mengagihkan daripada gajinya kepada beberapa orang penduduk yang tinggal di Qahīra, Ṭanṭā dan kampungnya. Malahan, wang yang diperoleh dari ceramah-ceramah, royalti buku dan majalah disedekahkan untuk orang ramai (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Pada bulan Ramaḍan, al-Sha'rāwī sentiasa menyediakan makanan sahur dan berbuka untuk golongan yang memerlukan. Beliau juga menaja perbelanjaan kehidupan lebih kurang 250 keluarga pada setiap bulan menggunakan duit beliau sendiri (Selamat Amir, 2016).

7.2 Sumbangan Berbentuk Keilmuan

Dari sudut sumbangan keilmuan kepada masyarakat pula, al-Sha'rāwī telah menziarahi beberapa negara seperti Afrika, Amerika Syarikat, Kanada dan Britain untuk memenuhi jemputan-jemputan sebagai penceramah, pembentang seminar serta forum antarabangsa (Selamat Amir, 2016). Sebagai contoh, lawatan beliau ke Amerika Syarikat adalah untuk menyampaikan khutbah Jumaat di sebuah masjid dan disiarkan secara langsung di stesyen televisyen di negara tersebut. Adapun di Kanada, beliau pernah bermesyuarat bersama Badan Pemikir Islam Kanada untuk membincangkan *Cabaran & Halangan Musuh Islam*. Kebanyakan lawatan-lawatan beliau ke luar negara

adalah untuk mengembangkan syiar Islam di samping memenuhi jempunan dalam seminar-seminar antarabangsa.

7.3 Sumbangan Berbentuk Penulisan dan Karya


Shaykh al-Sha'rāwī mempunyai banyak karya-karya yang masyhur. Selamat Amir (2016) melalui kajian beliau telah menyenaraikan 95 buah karangan yang telah ditulis oleh al-Sha'rāwī. Al-Sha'rāwī bukan sahaja berdakwah melalui lisan, malah telah mengarang pelbagai karya dari pelbagai bidang dan dijadikan rujukan oleh masyarakat. Karya-karya beliau telah menyumbang manfaat yang besar sehingga ke hari ini. Antara bidang yang ditulis oleh beliau adalah tafsir, ḥadīth, akidah, fiqh, akhlak, pendidikan, kebudayaan Islam, penyucian jiwa, kisah al-Quran, sejarah, pemikiran semasa, hari kiamat dan lain-lain (Selamat Amir, 2016). Karyanya yang paling terkenal adalah Tafsir al-Sha'rāwī. Ceramah-ceramah beliau yang dicetak dalam bentuk buku mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan umat Islam. Hasil penjualan buku-buku beliau ini disumbangkan untuk kegiatan-kegiatan sosial (Riesti Yuni Mentari, 2011). Berikut adalah sebahagian contoh karangan al-Sha'rāwī:

- i. *Al-Tauba* (Taubat) pada tahun 1990
- ii. *Al-Siḥr wa al-Ḥasad* (Sihir dan Hasad) pada tahun 1991
- iii. *Fatāwā al-Qur'ān* (Fatwa-Fatwa al-Quran) pada tahun 2000
- iv. *Ṣolāt al-Khāshī'īn* (Solat Orang-Orang yang Khusyuk) pada tahun 2000
- v. *Al-Kabā'ir* (Dosa-Dosa Besar) pada tahun 2001
- vi. *Al-Waṣāyā* (Wasiat-Wasiat) pada tahun 2001
- vii. *Al-Isrā' wa al-Mī'rāj* (Israk dan Mikraj) pada tahun 2002
- viii. *Al-Jihād fī al-Islām* (Jihad dalam Islam) pada tahun 2002
- ix. *Al-Aḥādīth al-Qudsiyya* (Hadis-Hadis Qudsi) pada tahun 2002
- x. *Al-Fatāwā* (Fatwa-Fatwa) pada tahun 2003
- xi. *Al-Islām 'Aqīda wa Minhāj* (Islam Akidah dan Manhaj) pada tahun 2005
- xii. *Al-Mu'jizāt al-Kubrā* (Mukjizat yang Besar) pada tahun 2005

7.3.1 Karya Terkenal Shaykh al-Sha'rāwī

Karya al-Sha'rāwī yang paling terkenal dan popular adalah kitab tafsir beliau iaitu Tafsir al-Sha'rāwī. Kitab tafsir beliau sangat hebat sehingga menjadi bacaan, rujukan dan kajian banyak pihak sehingga masa kini. Antara keistimewaan Tafsir al-Sha'rāwī adalah penggunaan bahasa yang mudah difahami, ketelitian terhadap tema perbahasan, bersifat kemasyarakatan, menitik beratkan keimanan dan memberi kesimpulan yang memuaskan (Azmi Muhammad, 2017). Tafsir ini pertama kali diterbitkan oleh majalah *al-Liwa' al-Islāmī*, Qāhira bermula pada tahun 1986-1989M, yang bercorak *tarbawī* (pendidikan) dan *iṣlāḥī* (pembaikan). Sejak awal, kitab ini tidak pernah dinamakan dengan "kitab tafsir" akan tetapi al-Sha'rāwī memberi judul "*Khawāṭir al-Sha'rāwī*" yang bermaksud Renungan-renungan al-Sha'rāwī (Riesti Yuni Mentari, 2011). Al-Sha'rāwī menamakan kitabnya dengan *Khawāṭir al-Sha'rāwī* dengan bertujuan untuk menjelaskan isi ayat-ayat al-Quran yang telah beliau fahami kepada orang lain. Beliau menggunakan istilah *khawāṭir* kerana menurutnya, apa yang difahami berkemungkinan benar atau salah.

Kitab ini merupakan karya hasil kerjasama oleh murid al-Sha'rāwī iaitu Muhammad al-Sinrāwī dan 'Abd al-Wāris ad-Dusūqī dari kumpulan ceramah-ceramah yang disampaikan oleh al-Sha'rāwī (Selamat Amir, 2016). Al-Sha'rāwī memulakan syarahan dari surah al-Fātiha dan berakhir di awal surah al-Şaf (Bawabah, 2019). Beliau tidak sempat mensyarahkan keseluruhan al-Quran kerana telah sampai ajalnya. Sementara itu, ḥadīth- ḥadīth yang terdapat dalam kitab Tafsir al-Sha'rāwī ditakhrij oleh Prof. Dr. Ahmad 'Umar Hashīm yang merupakan timbalan rektor Universiti al-Azhar pada ketika itu. Tafsir ini termasuk dalam kategori tafsir *bi al-lisān* atau tafsir *şautī* (hasil pidato atau ceramah yang dibukukan). Ketika menafsirkan sesuatu ayat, beliau hanya bertujuan supaya ianya mudah difahami oleh para pendengar dan boleh diterima untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan sosial dan kemasyarakatan.



Gambar 2: Tafsir al-Sha'rāwī

7.4 Sumbangan Berbentuk Perkhidmatan dan Jawatan

Al-Sha'rāwī pernah menjadi Ketua Persatuan Kesusasteraan di daerah Zaḳāziq. Apabila tamat graduan, beliau bertugas sebagai guru agama di Ma'ḥad Ṭanṭā al-Azhārī, kemudian berpindah ke Ma'ḥad al-Iskandarīah al-Azhārī dan kemudian ke Ma'ḥad Zaḳāziq di Mesir (Selamat Amir, 2016). Pada tahun 1950, beliau menjadi pensyarah shariah di Universiti Ummul Qurā, Mekah (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Kemudian setelah hampir setahun, beliau dihantar ke Universiti Raja Abdul Aziz untuk berkhidmat sebagai pensyarah dalam bidang tafsir dan ḥadīth sehingga tahun 1960 (Selamat Amir, 2016).

Pada awal 1960-an, berlaku krisis antara Jamāl 'Abd al-Nāşir iaitu Presiden Mesir dengan Raja Saudi, maka Jamāl 'Abd al-Nāşir telah melarang al-Sha'rāwī untuk ke Arab Saudi dan melantik beliau menjadi Pengarah di Pejabat Shaykh al-Azhar, Shaykh Hussin Makmun. Kemudian, beliau bertugas di Algeria sebagai wakil al-Azhar dan menetap di sana selama tujuh tahun (Anisa Panggabean, 2019). Apabila beliau pulang ke Mesir, beliau dilantik menjadi Pengarah Kementerian Wakaf, Negeri Gharbīyya kemudian menjadi wakil bahagian Dakwah dan Pemikiran dan kemudian menjadi wakil al-Azhar (Rumaizuddin Ghazali, 2008).

Selepas itu, al-Sha'rāwī pergi semula ke Arab Saudi untuk mengajar di Universiti Raja Abdul Aziz. Pada November 1976, Sayyid Mamdūh Sālim menjadi Perdana Menteri Mesir dan melantik beliau menjadi Menteri Wakaf dan Pentadbiran Al-Azhar. Beliau menjadi menteri sehingga tahun 1978 selama dua tahun. Beliau memegang jawatan ini

bukan kerana kepentingan dunia dan dikenali sebagai seorang menteri yang mudah berinteraksi dan bertanggungjawab (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Pada tahun 1980, al-Sha'rāwī dilantik menjadi anggota Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah (Badan Penyelidikan Islam) di al-Azhar. Pada tahun 1980 juga, beliau telah diangkat menjadi ahli dewan Majlis Shurā Mesir atas faktor keterlibatannya dalam pelbagai bidang (Selamat Amir, 2016).

Pada tahun 1989 dan 1991, al-Sha'rāwī telah mendapat anugerah Tokoh Umum dari Cawangan Daqhalīa dan gelaran Doktor Honoris Causa pada bidang sastera dari Universiti Manṣūra (Abdul Basit, 2011). Antara anugerah lain yang beliau perolehi adalah Anugerah Tertinggi Pemerintah Mesir 1976, Anugerah Tokoh Islam Terulung Dubai 1977, Anugerah Tokoh Islam Universiti al-Azhar 1983 dan Anugerah Khas Kerajaan Mesir 1988 (Selamat Amir, 2016).

Tidak hanya terhad di Mesir sahaja, malah kehebatan al-Sha'rāwī dikagumi di seluruh dunia. Beliau sering dijemput untuk memberi pengisian ilmu di negara luar seperti Amerika Syarikat, Kanada, London dan Austria (Selamat Amir, 2016). Beliau telah memegang banyak jawatan-jawatan penting di Mesir dan juga di negara luar. Ini membuktikan kesungguhan beliau dalam memberikan sumbangan kepada dunia Islam khususnya.

8.0 Pujian Ulama Terhadap Al-Sha'rāwī

Menurut Prof Dr. Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī, al-Sha'rāwī adalah merupakan seorang tokoh tafsir kontemporari yang menghabiskan seluruh usianya untuk agama Allah SWT. Penafsiran beliau tidak terbatas dari sudut ruang dan masa, bahkan meliputi sudut-sudut kehidupan dan lain-lain (Anisa Panggabean, 2019). Selain itu, beliau juga merupakan seorang penyair yang unggul dan mampu menghasilkan puisi-puisi yang menyentuh jiwa dan sanubari. Menurut beliau lagi, Shaykh al-Sha'rāwī keseluruhannya hidupnya adalah untuk berkhidmat kepada agama Islam dan menyebarkan ilmu (Rumaizuddin Ghazali, 2008). Kematian ulama merupakan satu kehilangan besar dan musibah kepada umat kerana Allah menarik ilmu dengan mematikan para ulama (Ahmad Fahmi, 1998).

Di samping itu, Prof. Dr. Zaghlūl an-Najjār juga mengatakan bahawa kredibiliti dan keilmuan al-Sha'rāwī tidak dapat disangkal lagi terutamanya dalam aspek perbahasan al-Quran (Selamat Amir, 2016). Kehebatan beliau terserlah apabila mampu mendatangkan hujah-hujah menerusi ayat al-Quran yang boleh diterjemahkan kedalam aspek keilmuan semasa. Oleh itu, pemergian beliau merupakan satu kehilangan yang besar bagi umat Islam seluruhnya.

Ahmad Umar Hasyim juga mengatakan bahawa karya-karya al-Sha'rāwī merupakan harta kekayaan yang sangat berkualiti kerana ia mencakupi segala sudut kehidupan (Riesti Yuni Mentari, 2011). Beliau disifatkan sebagai seorang *mujaddid* abad ini (Muhammad Ilham, 2017). Karya beliau tidak hanya menumpukan kepada satu-satu permasalahan sahaja, tetapi turut membahas permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat sekarang (Anisa Panggabean, 2019). Seterusnya, Ahmad Bajat menyifatkan al-Sha'rāwī seorang ahli tafsir kontemporari yang dapat menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan uslub yang mudah difahami oleh orang umum (Rumaizuddin Ghazali, 2008).

Dari kesemua pujian-pujian terhadap al-Sha'rāwī, dapat disimpulkan bahawa beliau merupakan seorang tokoh yang sangat dihormati dan disegani. Majoriti pujian adalah tertumpu kepada sudut keilmuan beliau yang tidak terbatas dari satu aspek sahaja. Cara beliau menafsirkan al-Quran juga dikagumi ramai ulama dan masyarakat kerana mudah difahami, mencakupi pelbagai aspek semasa dan juga telah tersebar luas ke serata dunia.

9.0 Penutup

Islam mempunyai ramai tokoh dan ulama yang boleh dijadikan pedoman mukmin. Mencontohi perbuatan mereka sangat dituntut dan ganjaran mengingati dan mengikuti kisah mereka turut dijanjikan. Syair Arab menyebut: "*Hendaklah kamu mencontohi orang yang mulia walaupun kamu tidak seperti mereka, kerana mengikuti orang yang mulia itu satu kejayaan.*" Kelebihan mempelajari kisah orang soleh antaranya akan dihapuskan dosa oleh Allah SWT. Mendengar kisah orang soleh boleh menghidupkan hati yang mati. Jika masyarakat sudah tidak mengendahkan ulama, maka ini adalah petanda dunia ini telah hampir berakhir. Oleh itu, sebagai umat Islam khususnya perlu sentiasa merujuk dan mendampingi ulama bagi menghadapi kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan ini.

Sebagai kesimpulan, keperibadian Shaykh al-Sha'rāwī membuktikan betapa beliau seorang tokoh yang hebat. Keilmuan beliau terhadap al-Quran dan bidang-bidang yang lain telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat. Beliau bersungguh-sungguh berkhidmat dan berdakwah untuk umat Islam di seluruh dunia dan dikenali sebagai seorang dai yang berwawasan, santun, bijak dan tegas. Hasil kajian mendapati beliau banyak memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk seperti kebajikan, keilmuan, penulisan dan perkhidmatan jawatan. Masih banyak kajian lanjutan boleh dijalankan sekitar karya-karya al-Sha'rāwī, manhaj dan pemikiran beliau. Begitu juga boleh dikaji tokoh-tokoh Islam yang lain dalam pelbagai lapangan ilmu seperti *mufassir*, *qurrā'* dan juga *muhaddīth*. Semoga ulama-ulama seperti ini akan dilahirkan lagi di masa hadapan untuk menaikkan syiar-syiar Islam.

Rujukan

- Abdul Basit. (2011). Al-Imam Al- Sha'rāwī: wa Juhuduhu fi Ad-Difa' an Al-Islam. Mesir: Kitab al-Jumhuriyyah.
- Achmad. (2013). Mutawalli Al-Sya'rawi Dan Metode Penafsirannya: Studi Atas Surah Al-Maidah Ayat 27-34. Jurnal al-Daulah, Vol 1, No 2. 120-134.
- Adham Syarqāwī. (2020). Wa Tilka Al-Ayyam. Kuwait: Dar al-Kalimat.
- Ahmad Fahmi. (1998). 40 Hadis Tentang Peristiwa Akhir Zaman. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Anisa Panggabean. (2019). Penafsiran Muhammad Mutawalli Sya'rawi Tentang Homoseksual (Kajian Tafsir Tematik). Medan: Tesis Sarjana, UIN Sumatera Utara.
- Al-Tirmidhī. (2000). Sunan al- Tirmidhī. Jerman: Jam'iyyah Markaz al-Islami.
- Azmi Muhammad. (2017). Parenting Dalam Al-Quran: Studi Terhadap Tafsir Khawatir Asy-Sya'rawi Haula Al-Quran Al-Karim Karya Syeikh Mutawalli Asy-Sya'rawi. Surabaya: Tesis Sarjana, UIN Sunan Ampel.
- Ba'albaki, Rohi. (1995). Al-Maurid. Beirut: Dar al-Ilmu li al-Malayin.

- Bawabah. (2019). Fi zikr miladihi..6 hikayat syaikah fi hayati as-Syeikh Muhammad al-Sya'rawi. <https://www.almasryalyoum.com/news/details/1388366>. 24 Mac 2020.
- Hikmatiar Pasya. (2017). Studi Metodologi Tafsir Asy-Sya'rawi. Jurnal Studi Quran, Vol 1, No 2. 141-154.
- Imam Masrur. (2018). Telaah Kritis Syarat Mufassir Abad Ke-21. Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir, Vol 2, No 2.
- Kamus Dewan. (2016). Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maher Hasan. (2014). Zai nahardah, wafat Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi 17 Yunyu 1998. <https://www.almasryalyoum.com/news/details/465593>. 24 Mac 2020.
- Manna' al-Qaṭṭān. (2019). Pengantar Pengajian Ilmu Al-Quran. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Mohd Rumaizuddin. (2007). Syeikh Muhamad Mutawalli al-Sya'rawi (1911-1998M): tokoh tafsir Mesir abad 21. <http://www.mindamadani.my/topik/jejak-ulamak/item/173-syeikh-muhamad-mutawalli-al-sya%20%E2%80%9A%C3%A4%C3%B4rawi-1911-1998m-tokoh-tafsir-mesir-abad-21.html>. 24 Mac 2020.
- Muhammad Ilham. (2017). Penafsiran Al-Sha'rawi Terhadap "Kafir" Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 6. Surabaya: Tesis UIN Sunan Ampel.
- Riesti Yuni Mentari. (2011). Penafsiran Al-Sya'rawi Terhadap Al-Quran Tentang Wanita Karir. Jakarta: Tesis Sarjana, UIN Syarif Hidayatullah.
- Rumaizuddin Ghazali. (2008). 10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh. Selangor: PTS Publishing House.
- Selamat Amir. (2016). Elemen Saintifik Dalam Al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi. Kuala Lumpur: Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Shaharuddin Saad. (2015). Sejarah Bacaan Riwayat Hafs Melalui Aliran Al-Syatibi Dan Ibn Al-Jazari. Jurnal Pengajian Islam, Bil 8, Isu 2. 23-35.
- Shukri Ahmad. (2000). Aplikasi Konsep 'Ulama Dan Intelektual: Satu Penilaian Kritis. Jurnal Usuluddin. 13-32.
- Zulkifli Mohamad. (2017). Irsyad al-hadith siri ke-179: ulama' umatku umpama nabi Bani Israil. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/902-irsyad-al-hadith-siri-ke-179-ulama-umatku-umpama-nabi-bani-israil>. 24 Mac 2020.
- Zulkifli Mohamad. (2018). Syeikh Yusuf al-Qaradhawi: Siapakah Beliau?, Bayan Linnas (59-68). Selangor: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.